UTHM Hantar Dua Mesin Hemodialisis Ke HUSM Kubang Kerian



UTHM menghantar dua unit mesin hemodialisis ke HUSM Kubang Kerian, Kelantan bagi membantu keperluan yang meningkat secara mendadak akibat banjir di negeri itu.

BATU PAHAT, 2 Jan – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menghantar dua unit mesin hemodialisis miliknya ke Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian, Kelantan bagi membantu keperluan yang meningkat secara mendadak akibat banjir di negeri itu.

Penghantaran mesin yang dibuat melalui penyelarasan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerja sama Universiti Sains Malaysia (USM) ini adalah sebahagian daripada bantuan kemanusiaan yang digerakkan di bawah Pusat Gerakan Bencana Alam UTHM yang mula beroperasi sejak 25 Disember yang lalu.

Dalam misi kedua penghantaran bantuan ini, selain dua mesin tersebut dan pelbagai barangan keperluan lain, UTHM turut menghantar seorang Doktor Perubatan dan tiga jururawatnya bagi membantu operasi khidmat hemodialisis di HUSM.